

25 OCT 2001

PEGAWAI PENGURUSAN TERTINGGI TAK LAYAK TERIMA BONUS

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf tidak layak menerima bonus setengah bulan bagi tahun ini yang diberikan kepada kakitangan awam.

Menurut pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 24 Okt, syarat-syarat pembayaran imbuhan bagi tahun ini sama seperti syarat pembayaran yang dilaksanakan pada tahun lepas.

Syarat yang ditetapkan pada tahun lepas adalah pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf serta juga kakitangan kontrak yang bergaji lebih RM5,478 dan kakitangan yang mengambil cuti tanpa gaji sepanjang tahun, tidak layak menerima bonus.

Pembayaran bonus setengah bulan atau sekurang-kurangnya RM1,000 itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan semasa beliau membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat pada 19 Okt lepas.

Beliau juga mengumumkan kenaikan gaji 10 peratus bagi kakitangan awam mulai Januari 2002.

-- BERNAMA

ZAI ZS MAI